

Kaji semula peranan semua agensi

Kementerian Hal Ehwal Ekonomi kelmarin mengumumkan sudah memulakan proses menyediakan rangka hala tuju pembangunan sosioekonomi jangka panjang negara selepas 2020. Matlamatnya adalah untuk memastikan pertumbuhan ekonomi lebih bermakna, inklusif dan holistik, sekali gus meletakkan Malaysia sebagai negara dikagumi. Asasnya adalah enam tonggak dasar digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keselbelas (RMKe-11) dibentangkan 18 Oktober tahun lalu, termasuk mereformasikan institusi awam ke arah meningkatkan kecekapan, akauntabiliti dan ketelusan.

Kementerian itu juga memaklumkan bahawa keutamaannya pada tahun ini ialah menyiapkan Kertas Putih bagi pelan pemulihan FELDA, selain bekerjasama dengan Kementerian Kewangan dalam memulihkan Tabung Haji serta melihat semula kedudukan Bank Pembangunan Malaysia Bhd. Kita melihat langkah yang bakal diambil oleh kementerian diterajui Datuk Seri Mohammed Azmin Ali ini sebagai sesuatu yang amat wajar.

Selepas menempuh 10 RMK, pelbagai perubahan telah berlaku hampir dalam setiap aspek di negara ini. Persekutuan dunia juga telah mengalami perubahan besar dengan ledakan teknologi baharu amat ketara kebelakangan ini. Justeru, sudah sampai masanya pendekatan kita dalam pembangunan negara juga diubah sejajar dengan keperluan semasa dan masa depan.

Dalam hal ini kewujudan dan peranan pelbagai agensi sedia ada mungkin juga perlu dinilai semula. FELDA contohnya, sementelahannya + kementerian sedang menyediakan pelan pemulihannya, mungkin ada baik juga ia mengkaji semula peranan serta modus operandi agensi yang sudah berusia 61 tahun itu sama ada masih sesuai atau tidak. Begitu juga dengan peranan yang dimainkan perbadanan ekonomi negeri. Mungkin selepas berpuluh tahun, ada yang aktivitinya sudah lari daripada matlamat asal penubuhan masing-masing. Jika ia berlaku eloklah diperbetulkan, pada masa sama memastikan hala tujunya sejajar dengan persekitaran semasa.